

PENILAIAN SISWA GURU PISMP AMBILAN JUN 2015 TERHADAP BIMBINGAN PENSYARAH PENYELIA SEMASA PRAKTIKUM

*Evaluation of Pre-Service Teachers' from the June 2015 intake
on Lecturer's Guidance during Practicum*

¹**Nur Diyana Daud, ²Zahiah Haris@ Harith (PhD), ³Nor Raihan Mohd Noor &
⁴Kamaruddin Yahaya**

¹²³⁴*Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas*

¹*dianyadaud@ipgkik.edu.my*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penilaian siswa guru terhadap pensyarah penyelia terhadap siswa guru semasa praktikum dilaksanakan di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Kajian ini merupakan Kajian Kaedah Gabungan (*Mixed Method Research*). Pengumpulan data triangulasi digunakan bagi mendapatkan data yang berbeza-beza dari subjek yang sama. Kajian ini melibatkan pengumpulan data secara kuantitatif melalui dokumen kualiti MS ISO 9001:2008, LAM PT 05-12 (Penilaian Terhadap Pensyarah) dan diperkuuhkan dengan data kualitatif iaitu penjelasan melalui set soalan terbuka separa berstruktur. Data kuantitatif melibatkan siswa guru ambilan Jun 2015 (n=122). Manakala data kualitatif melalui soalan terbuka melibatkan 33 orang siswa guru dari kumpulan yang sama yang terdiri dari 30 orang perempuan dan 3 orang lelaki. Data dianalisis secara kuantitatif iaitu menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 21 bagi borang penilaian dan data kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes. Kajian ini memberi fokus kepada dua objektif kajian iaitu analisis penilaian siswa guru PISMP ambilan Jun 2015 terhadap pensyarah penyelia serta cadangan penambahbaikan terhadap bimbingan pensyarah penyelia semasa praktikum. Dapatkan kajian melibatkan 2 konstruk yang terkandung dalam borang penilaian siswa guru terhadap perancangan dan pelaksanaan pensyarah penyelia (LAM PT 05-12). Seterusnya, terdapat 5 tema dalam cadangan penambahbaikan untuk meningkatkan kualiti bimbingan semasa praktikum oleh pensyarah penyelia.

Kata kunci: penilaian praktikum dan penyeliaan praktikum